



Anggota APM Yan memeriksa keadaan bangkai ikan lumba-lumba yang ditemui terdampar di Pantai Ruat.

(Foto ihsan APM)

# Bangkai ikan lumba-lumba terdampar di Pantai Ruat

BH 16/04/24 M/S 21

**Yan:** Seekor ikan lumba-lumba ditemui mati terdampar di pesisir Pantai Ruat di sini kelmarin.

Pegawai Pertahanan Awam Daerah Yan, Lettenan Zul Izzi Zulkifli, berkata pihaknya menerima laporan berhubung kes itu daripada orang awam pada jam 5 petang semalam.

Beliau berkata, seramai

enam orang petugas Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) diketuai Lettenan (PA) Salim Aziz bergerak ke lokasi kejadian untuk melihat keadaan haiwan berkenaan.

"Sebaik tiba di lokasi, anggota APM Yan mendapati seekor ikan lumba-lumba terdampar di pantai disyaki terkena kipas bot.

"Berikutkan itu, APM Yan bertindak memaklumkan kepada pihak Jabatan Perikanan Negeri Kedah dan mengalihkan bangkai ikan berkenaan ke lokasi lain bagi tindakan seterusnya.

"Ikan lumba-lumba terbabit dianggarkan sepanjang 1.8 meter dan beratnya 220 kilogram (kg)," katanya dalam kenyataan semalam.